

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI ABDUL RAHMAN BIN
MOHAMAD [LIPIS]**

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan senarai program/projek pembangunan infrastruktur luar Bandar yang telah dan akan dilaksanakan di kawasan Parlimen Lipis bagi tahun 2019 ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2019 sebanyak 16 projek pembangunan infrastruktur luar bandar telah dan sedang dilaksanakan di Parlimen Lipis iaitu tiga (3) projek di bawah Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB), tiga (3) projek di bawah Program Jalan Luar Bandar (JALB), lima (5) projek di bawah Jalan Perhubungan Desa (JPD) dan lima (5) projek di bawah Program Ameniti Sosial (PAMS) melibatkan peruntukan berjumlah RM316.03 juta.
2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) Semenanjung Malaysia (Fasa 10) tahun 2019/2020 dijangka akan memulakan pelaksanaannya dalam bulan November 2019. Bagi Parlimen Lipis, kuota sebanyak 200 unit

NO. SOALAN : 155

LJK, dengan pecahan 160 unit LJK jenis *high pressure sodium vapour* (HPSV) dan 40 unit LJK jenis *light emitting diode* (LED), akan dipasang di kampung-kampung yang layak di dalam parlimen tersebut. Tempoh pemasangan bagi Program Pemasangan LJK Semenanjung Malaysia (Fasa 10) Tahun 2019/2020 ini adalah selama 15 (lima belas) bulan.

3. Selain daripada itu, tambahan sebanyak 65 unit LJK jenis LED dari dana *Incentive Based Regulations* (IBR) akan dipasang di parlimen berkenaan. LJK tambahan ini merupakan inisiatif pemasangan LJK dengan kerjasama Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC), dan akan dipasang bersekali dengan LJK daripada Program Pemasangan LJK Semenanjung Malaysia (Fasa 10) Tahun 2019/2020.

BIL.	NAMA PROJEK	KOS	STATUS SEMASA
1	Projek BALB Sistem Retikulasi Negeri Pahang Tahun 2016 Zon 2	8.3 juta	Dalam pembinaan. (Peratus Kemajuan Kerja : 91% Jangkaan Siap : November 2019)
2	Projek BALB Sistem Retikulasi Negeri Pahang Tahun 2017 Zon 1	8.3 juta	Telah ditender pada 6 September 2019
3	Projek Bekalan Air Luar Bandar di Kg. Chegar Perah, Lipis, Pahang	21 juta	Dalam proses rekabentuk
4	Jalan Dan Jambatan Gemunchur Ke Kg. Labu Melalui Kg Batu Balak, Jerantut, Pahang	RM192.5 juta	Dalam pembinaan. (Peratus Kemajuan Kerja : 16% Tarikh Patut Siap : November 2021)

NO. SOALAN : 155

5	Jalan Dari Kg Bukit Betong Ke Kg Aur Gading Ke Chegar Perah, Lipis, Pahang (Fasa 2)	RM60 juta	Siap Sepenuhnya (CPC : 18 November 2017)
6	Jalan Dari Bukit Betong Ke Kg. Aur Gading, Lipis, Pahang-Pasca Banjir	RM25 juta	Siap Sepenuhnya (CPC : 23 Disember 2018)
7	5 projek Jalan Perhubungan Desa (JPD)	RM716 ribu	1 projek siap sepenuhnya, 4 projek dalam pelaksanaan
8	5 projek Program Ameniti Sosial (PAMS)	RM210 ribu	1 projek siap sepenuhnya, 4 projek dalam pelaksanaan